



“Dulu ada siren amaran apabila paras air naik, tetapi kalau tidak silap saya, ia sudah lama tidak berfungsi iaitu sejak lebih 10 tahun lalu. Kalau ada siren, penduduk sekurang-kurangnya boleh bersiap sedia”

Darlis Darwis,
Penduduk



Lumpur serta sampah yang tersekat selepas banjir di Kampung Salak, Batu 10, Gombak.



Aduan penduduk terhadap **pengubahsuaian tembok batu Sungai Gombak** yang menyebabkan sungai menjadi sempit dan mengakibatkan banjir di Kampung Salak, Batu 10, Gombak.

[FOTO YONG CHEE CHOONG/ BH]

Mahu binaan batu sangkar

» Bagi mengelak kejadian banjir

Oleh Halina Mohd Noor
halina@bharian.com.my

► Gombak

Penduduk kecewa apabila permohonan bagi memasang batu sangkar di tebing sungai berhampiran kediaman sebagai penebat banjir tidak diberi perhatian.

Mereka yang mendiami tebing Sungai Gombak, Kampung

Sungai Salak Batu 10, di sini, mendakwa dua surat permohonan sudah dikemukakan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Datuk Hasan Mohamed Ali pada 28 Oktober lalu dan Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat ADUN Gombak Setia, Salehuddin Nasir dua hari selepas itu.

Namun, mereka kesal kerana tiada sebarang tindakan diambil sehingga hari ini.

Permohonan itu dibuat berikutan kejadian banjir yang semakin kerap berlaku di kampung berkenaan dan terbaru, pada 2 November lalu apabila

air sungai melimpah dan membanjiri kawasan itu setinggi lebih satu meter.

Surau rosak akibat lumpur

Surau Nurul Iman yang terletak di tebing sungai paling teruk dilanda hakisan dan banjir, sehingga sebahagian besar tingkat bawahnya tidak dapat digunakan akibat berlumpur.

Penduduk, Abd Rahim Abd Wahab, 54, berkata batu sangkar sedia ada di tebing sungai di belakang surau berkenaan dipasang agak jauh ke tengah sungai, menyebabkan sungai menjadi sempit.

“Kami memohon supaya batu sangkar dua lapis yang baru dibina di belakang surau Nurul Iman bagi menggantikan yang ada sekarang kerana kedudukannya menghalang aliran air dan menjadikan sungai sempit. Sebahagian batu sangkar di bawah jambatan pula sudah runtuh.

“Kami juga mahu batu sang-

kar sedia ada dialihkan ke tebing sungai kerana yang ada sekarang agak ke tengah. Ia menyebabkan sungai sempit dan air mudah melimpah keluar,” katanya.

Beliau juga mendakwa mengalami kerugian lebih RM30,000 apabila perabot dan dua kereta miliknya rosak akibat banjir, baru-baru ini.

Penduduk sudah serik

Darlis Darwis yang tinggal di tebing sungai berkenaan, berkata kerja pemasangan batu itu harus disegerakan kerana penduduk serik dengan banjir setiap kali musim hujan.

“Setiap kali hujan, kami jadi resah dan tidak boleh tidur malam. Mujurlah ketika banjir baru-baru ini, saya dan isteri ada di rumah dan bersiap sedia menghalang air daripada masuk ke dalam rumah.

“Dulu ada siren amaran apabila paras air naik tetapi kalau tidak silap saya, ia sudah lama tidak berfungsi iaitu sejak lebih 10 tahun lalu. Kalau ada siren, penduduk sekurang-kurangnya boleh bersiap sedia,” katanya.

JPS tiada peruntukan

Jurutera Daerah Gombak, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Mohd Fuad Buang, berkata buat masa ini pihak JPS tidak mempunyai peruntukan untuk membina batu sangkar seperti diminta penduduk.

Bagaimanapun, katanya, usaha mendalamkan sungai akan dijalankan dalam tempoh terdekat di kawasan terbabit dan di bahagian hulu dan hilir sungai.

Dalamkan sungai

“Kawasan itu memang terletak di kawasan rendah dan semula jadi mudah dinaiki air. JPS akan mendalamkan sungai bermula bulan ini di kawasan itu dan bahagian hulu serta hilir sungai iaitu berdekatan simpang tiga masjid,” katanya.

“JPS akan mendalamkan sungai bermula bulan ini di kawasan itu dan bahagian hulu serta hilir sungai iaitu berdekatan simpang tiga masjid,” katanya.

Mohd Fuad Buang,
Jurutera Daerah Gombak, JPS

